

05/08/2001

MCA perlu bijak selesai masalah

Jamhariah Jaafar; Zainuddin Isa; Teh Kian Kiat

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta MCA menyelesaikan sebarang masalahnya dengan bijak demi menjaga kekuatan Barisan Nasional (BN) dan kestabilan negara.

Perdana Menteri berkata, kerjasama dan kekuatan di antara Umno dan MCA bukan sekadar tulang belakang BN, bahkan menjadi asas serta tonggak kepada kestabilan parti politik lain dalam BN.

"Adalah penting untuk mempunyai tulang belakang dan kita tidak mahu tulang belakang yang lemah. Tapi kadang-kadang tulang belakang pun sakit juga... kadang-kadang sakit sebelah, kadang-kadang sakit sebelah yang lain.

"MCA adalah parti yang terpenting bersama-sama Umno... peliharalah MCA ini, walaupun ada masalah, saya yakin masalah boleh diselesaikan tanpa melemahkan MCA," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan ke-48 MCA di ibu pejabat parti itu di sini, semalam.

Beliau berkata, kerjasama dan semangat setia kawan yang erat antara kedua-dua parti terutama ketika Umno mengalami masalah politik paling genting pada 1987 sehingga diharamkan, adalah sesuatu yang sukar diwujudkan oleh orang lain, terutama parti lawan.

"MCA setia kepada Umno, jadi sudah tentulah Umno akan terus setia kepada MCA," katanya disambut tepukan gemuruh kira-kira 2,000 perwakilan dan pemerhati.

Perdana Menteri berkata, kedua-dua parti perlu memelihara kekuatan dan keutuhan BN kerana tanpa sikap bertanggungjawab seumpama, BN mungkin akan 'runtuh'.

"Kalau pun ada masalah dan mana ada parti dalam dunia ini yang tidak hadapi masalah... masalah hendaklah kita selesaikan dengan cara yang bijak supaya tidak akan terdapat keburukan daripada penyelesaiannya.

"Seperti kata pepatah Melayu, kalau kita hendak tarik rambut dari dalam tepung biarlah rambut itu keluar dengan bersih, tepung tidak berkecai, tidak bertabur... ini hanya masalah, kita boleh selesaikan masalah dengan cara bijak," tegasnya.

Dr Mahathir berkata, kerjasama Umno dan MCA yang wujud sejak 1951 berkembang begitu mantap, sehingga ingin ditiru parti lawan.

Malah katanya, sejarah dunia sudah membuktikan kerjasama yang dimiliki Malaysia hari ini sukar untuk direalisasikan oleh negara lain yang terus bergaduh dan berbunuhan hanya kerana perbezaan etnik, agama dan kebudayaan.

"Kerana kerjasama antara MCA dan Umno sejak 1951, hari ini kita berjaya tubuhkan parti yang mewakili semua kaum... yang kuat dan telah menang 10 kali pilihan raya sejak kita merdeka.

"Kita bekerja bersama, bermain bersama. Ya, memang kita ada menghadapi sedikit masalah apabila kadang-kadang kita cuba untuk mengasingkan kedudukan bangsa, tetapi secara keseluruhan kita masih mampu mengekalkan kehidupan aman antara satu sama lain.

"Ini adalah hasil kerjasama antara kaum... sebab itu kita harus menghargai dan menjunjung tinggi kerjasama ini. Sebab itu kita harus hargai keutuhan dan kekuatan kedua-dua parti," katanya.

Beliau berkata, sistem amalan kerajaan BN sekarang menyaksikan tidak ada kaum yang 'ketingalan terlalu sangat', tetapi adalah mustahil bagi kerajaan untuk memenuhi tuntutan mana-mana kaum 100 peratus, walaupun tuntutan golongan peribumi.

"Jika ada mana-mana kaum mendapat 100 peratus daripada apa yang dituntut mereka, ini bermakna kita sudah melakukan sesuatu yang tidak adil," katanya.

Justeru katanya, keistimewaan seperti yang diberi kepada MCA untuk menubuhkan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) diharap tidak akan digunakan eksklusif untuk kaum Cina saja, sebaliknya patut turut dibuka kepada bangsa lain.

"Mungkin ada yang tidak puas hati kerana ia masih tidak memenuhi kehendak kaum Cina dan ada orang lain hendak duplicate (meniru) keadaan negara lain.

"Tapi kita harus ingat Malaysia adalah Malaysia. Malaysia adalah sebuah negara yang dimiliki semua kaum dan kita tidak boleh meniru cara negara lain yang hanya mempunyai satu kaum saja.

"Kita perlu mengambil kira kepentingan kaum lain, hanya dengan cara itu saja baru kita dapat menjalin hubungan baik antara kaum di Malaysia dan mengekalkan kestabilan di negara kita," tegasnya.

(END)